

PELANCONGAN ZUHUD: ANALISIS AYAT-AYAT AL-QURAN

Siti Nur Aafifah Binti Hashim⁶⁸

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Muslihah Binti Mazlan⁶⁹

Fakulti Keilmuan Islam
Kolej Universiti Islam Melaka

ABSTRAK

Salah satu bidang pelancongan yang boleh diterokai dengan lebih mendalam ialah pelancongan zuhud. Zuhud merupakan gaya hidup yang berdisiplin dalam menjalankan setiap aktiviti dengan rasa rendah hati, amanah, menyesuaikan diri dengan keadilan sosial, berusaha menepis segala godaan dunia yang merosakkan untuk mencapai keredaan Allah SWT. Bagi tujuan penerokaan tentang pelancongan zuhud ini, firman Allah SWT yang berkaitan permusafiran dijadikan panduan. Bagi melaksanakan matlamat ini, persoalan berhubung ayat al-Quran yang boleh menggambarkan proses melancong ini timbul. Bagaimanakah Allah SWT menyatakan perihal pelancongan? Apakah tujuan pelancongan yang dinyatakan dalam al-Quran? Bagaimanakah pula kaedah pelancongan patut dilaksanakan menurut al-Quran? Metod penelitian yang dilakukan adalah berdasarkan kajian perpustakaan dengan teknik analisis eksplorasi tekstual terhadap ayat-ayat al-Quran yang bersesuaian dengan maksud pelancongan. Hasil kajian mendapati bahawa pelancongan zuhud yang dibentuk berdasarkan firman Allah SWT dalam al-Quran mengandungi tuntutan berkaitan ketuhanan, persekitaran dan keperibadian.

Kata kunci: Al-Quran, Zuhud, Pelancongan Islam, Pelancongan Zuhud.

ZUHUD TOURISM: ANALYSIS OF THE VERSES IN THE QURAN

ABSTRACT

One of the areas of tourism that can be explored more deeply is zuhud tourism. Zuhud is a disciplined lifestyle in carrying out every activity with a sense of humor, trust, adjusting to social justice, trying to dismiss all destructive world temptations to achieve the pleasure of Allah SWT. For the purpose of exploring this zuhud tourism, the relevant word of Allah SWT is a guidance. In order to achieve this goal, the question of the Qur'anic verses which illustrate the travel

⁶⁸ Merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah Pusat Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia dan boleh dihubungi melalui email aafifahhashim16@gmail.com.

⁶⁹ Merupakan pensyarah di Jabatan Usuluddin, Kolej Universiti Islam Melaka, muslihah@kuim.edu.my

process may arise. How does God say about tourism? What is the purpose of tourism mentioned in the Quran? How should the method of tourism be implemented according to the Qur'an? The research methodology is based on a library study with textual exploration analysis techniques on the verses of the Qur'an corresponding to the purpose of tourism. The study finds that zuhud tourism that is based on the word of Allah SWT in the Qur'an contains claims pertaining to divinity, environment and personality.

Keywords: *Al-Quran, Zuhud, Islamic Tourism, Zuhud Tourism.*

PENDAHULUAN

Perihal pelancongan telah banyak dinyatakan di dalam al-Quran. Allah SWT sangat menggalakkan manusia melakukan aktiviti pelancongan agar dapat mengambil iktibar, berdakwah, menuntut ilmu, mencari rezeki dan sebagainya. Keharusan pelancongan ini dinyatakan menerusi firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dia lah yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya).” (Al-Mulk 67:15)

Hamka (1990), dalam Tafsir al-Azhar menyatakan ayat dari surah al-Mulk (67:15) menjelaskan bahawa Allah SWT telah merendahkan bumi kepada manusia untuk digali dan dibongkar rahsianya. Maka, manusia hendaklah menggunakan akal fikiran dan kecerdasan untuk menerokai setiap keajaiban dan kekuasaan Allah SWT daripadanya. Namun, manusia harus ingat satu perkara bahawa manusia akan kembali kepada Allah SWT dan dihitung setiap amal kebajikan yang telah dilakukan di dunia serta menerima pembalasan atas setiap daripadanya.

Atas sebab tersebut pelancongan zuhud dikemukakan untuk dijadikan panduan kepada manusia dalam menjalankan aktiviti pelancongan yang bukan sahaja menerokai alam dan mengambil iktibar darinya, malah pelancongan yang dijalankan perlu bermatlamat kepada mencapai keredaan Allah SWT. Pelancongan zuhud merupakan satu subkategori bagi pelancongan yang menumpukan kepada akhlak dalam aktiviti pelancongan. Zuhud dapat membuat manusia berfikir dan merenung kebesaran Allah SWT melalui pengamatan terhadap peristiwa-peristiwa alam sepanjang permusafiran. Zuhud juga dapat mengawal manusia dari mengikuti hawa nafsu seperti melakukan pembaziran sepanjang permusafiran.

PELANCONGAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

Pelancongan merupakan satu kegiatan multidimensi dan pelbagai, yang menyentuh dalam aspek kehidupan dan aktiviti ekonomi. World Tourism Organization (UNWTO) (1996) mendefinisikan pelancongan sebagai orang yang pergi atau tinggal di tempat-tempat yang di luar kebiasaan mereka untuk bercuti dengan tidak melebihi tempoh satu tahun. Pelancongan menurut Hashim Muhammad (2003) ialah aktiviti orang yang bermusafir ke sesuatu tempat dengan tujuan tertentu dan tidak bertujuan untuk berhijrah atau bekerja di tempat tersebut. Pelancongan bukan hanya bertujuan keseronokan dan hiburan, malah pelancongan juga boleh dijalankan dengan tujuan perniagaan, kesihatan, ziarah dan sebagainya.

Fathi Yakan (1999) telah membahagikan pelancongan kepada dua kategori iaitu pelancongan yang bertujuan untuk mencapai keredaan Allah SWT dan pelancongan yang bertujuan kepada kemaksiatan. Menurut beliau, pelancongan yang bertujuan mencapai keredaan Allah SWT adalah pelancongan yang menepati syariat dan hukum-hukum Islam. Manakala pelancongan yang bertujuan kemaksiatan adalah pelancongan yang terdapat unsur yang diharamkan oleh syarak seperti minum arak, pelacuran mahupun merosakkan alam sekitar sepanjang permusafiran.

Goeldner dan Ritchie (2006) menyatakan pelancongan merupakan satu aktiviti yang bertujuan seperti perniagaan, urusan peribadi, menziarahi keluarga atau rakan serta merehatkan diri dari kebiasaan aktiviti harian. Kandampully (2000) berpendapat pelancongan merupakan salah satu produk yang unik hasil gabungan perkhidmatan nyata dan tidak nyata daripada pengalaman pelancong. Konsep popular untuk pelancongan adalah melibatkan perjalanan untuk keseronokan dengan penginapan semalaman (Medlik, 2003).

Menurut Jabil Mapjabil, Ratna Roshida Abd Razak, Mazdi Marzuki dan Rosmiza Mohd Zainol (2015), pelancongan Islam merupakan satu aktiviti yang berhubung kait dengan keagamaan serta perjalanan seseorang ke tempat-tempat suci seperti Mekah dan Madinah pada sesuatu musim yang telah ditetapkan sepanjang tahun. Noor Shakirah Mat Akhir (2010) pula menyatakan pelancongan Islam merupakan pelancongan yang bermula dengan niat kerana Allah SWT dan mengikut setiap falsafah Islam dalam perjalanan tersebut. Shakry (2001) menjelaskan berkaitan pelancongan Islam dengan mengemukakan bahawa pelancongan Islam perlu kepada tiga komponen utama iaitu; pertama, pembaharuan terhadap budaya Islam dan penyebaran budaya Islam itu sendiri; kedua, manfaat dari sudut ekonomi kepada masyarakat Islam dan ketiga adalah memperkukuhkan jati diri serta keyakinan, identiti dan kepercayaan serta menangani masalah stereotaip yang wujud dalam masyarakat Islam.

Namun, pelancongan Islam seharusnya mempunyai definisi yang lebih luas kerana aktiviti pelancongan amat digalakkan dalam Islam serta tercatat di dalam al-Qur'an berkaitan keharusan bermusafir bukan sahaja ke tempat-tempat suci seperti Mekah dan Madinah, malah ke serata dunia. Pelancongan Islam yang holistik tidak boleh hanya dijustifikasikan oleh satu atau dua konsep sahaja, malah ia mencakupi semua jenis pelancongan yang bertujuan kepada mencapai

keredaan Allah SWT. Hal ini meliputi mematuhi prinsip-prinsip Islam sepanjang perjalanan, menjejak tamadun lama dan warisannya, melawat bandar dan negara untuk mengenalinya, berehat atau untuk tujuan rekreasi dan rawatan. Terdapat beberapa perkara sepanjang tempoh perlancongan yang harus dijaga untuk menjadikan perlancongan yang dilakukan mendapat keredaan Allah SWT. Antara hal yang harus dijaga adalah kewajipan menunaikan solat, memelihara persekitaran kawasan yang dilawati, memilih dan memastikan makanan yang dimakan adalah halal, memakai pakaian yang menutup aurat, menggunakan sumber yang halal untuk segala perbelanjaan perlancongan dan melakukan aktiviti yang tidak bertentangan dengan syariat Islam sepanjang tempoh perlancongan tersebut.

ZUHUD SEBAGAI DISIPLIN DALAM PELANCONGAN

Zuhud merupakan akhlak bagi seseorang muslim mendisiplinkan diri dalam melakukan apa juga aktiviti. Tanpa disiplin yang selaras dengan ajaran Islam, seseorang itu tidak boleh dikatakan sebagai zuhud kerana ia tidak berakhlak. Amin Syukur, (2002) menjelaskan bahawa perbincangan berkaitan zuhud tidak boleh terlepas dari dua perkara utama iaitu tasawuf dan akhlak. Disiplin zuhud merupakan satu sifat yang seharusnya dimiliki oleh setiap yang bergelar Muslim kerana disiplin zuhud inilah yang akan membezakan di antara orang Islam dan bukan Islam (Amin Syukur, 2002). Zuhud bukanlah satu aktiviti pertapaan yang difahami oleh sebilangan besar masyarakat, tetapi ia merupakan satu garis panduan yang membataskan aktiviti manusia supaya setiap aktiviti itu menjadi asbab kepada mencapai keredhaan Allah SWT serta dapat bertemu dengan Allah SWT di akhirat kelak. Manusia tetap boleh menjalankan aktiviti harian seperti biasa, namun setiap aktiviti yang dijalankan itu hendaklah bertujuan mencapai keredaan Allah SWT (Abu Wafa al-Taftazani, 1970).

Disiplin merupakan satu hal yang sangat penting diaplikasikan dalam kehidupan manusia kerana manusia yang tidak memiliki disiplin di dalam dirinya akan merosakkan sendi-sendi kehidupannya serta boleh membahayakan dirinya, manusia lain bahkan alam sekitar (Hani Handoko, 2001). Disiplin juga mampu membentuk seseorang melakukan hal yang benar serta peroleh kehidupan yang lebih baik dan harmoni seterusnya melakukan sesuatu untuk kebaikan masyarakat dan diri sendiri. Selain itu, disiplin mampu untuk membentuk peribadi seseorang agar lebih mudah untuk mengawal diri dari pengaruh emosi serta membentuk sikap-sikap positif di dalam diri seseorang.

Disiplin zuhud yang dibincangkan dalam kertas kerja ini adalah melalui sifat warak. Sifat warak dalam konsep zuhud adalah menghindarkan diri dari segala keburukan (Rivay Siregar, 1999) serta berusaha menjauhkan diri dari segala bentuk kemudaratannya (al-Ghazali, 2004). Tambah al-Ghazali (2004), warak yang dilaksanakan sebagai zuhud adalah usaha memalingkan diri dari sesuatu yang haram dan syubhah. Warak difahami sebagai satu bentuk perilaku manusia dalam proses mencapai keredaan Allah SWT dengan meninggalkan segala bentuk larangan Allah SWT dan melaksanakan segala perintah-Nya. Al-Sindi (1996) menjelaskan warak merupakan akhlak seorang Muslim yang hanya

memikirkan kebaikan dan keburukan sesuatu perkara sebelum melaksanakan hal tersebut. Al-Zarnuji (2010) pula menjelaskan warak adalah mengawal diri daripada terjerumus ke dalam sesuatu hal yang haram. Mahmud Yunus (1990) pula menjelaskan warak adalah usaha seseorang untuk menjauhkan diri dari dosa dan maksiat supaya dapat mencapai keredaan Allah SWT. Menurut Mahmud Yunus (1990), seseorang yang warak akan berhati-hati dalam membuat sebarang tindakan untuk mengelakkan ia terjerumus ke dalam sesuatu yang haram.

PERIHAL DAN TUJUAN PELANCONGAN MENURUT AL-QURAN

Tujuan serta penghujahan berkaitan pelancongan Islam boleh difahami menerusi lima istilah yang terkandung di dalam al-Quran iaitu *musafir*, *rehlah*, *ziyarah*, *siyahah* haji dan umrah. Hasan, Mohammad Mahyuddin, dan Mohd Ahsrof Zaki (2010) menyatakan istilah di dalam al-Quran yang merujuk kepada pelancongan tetapi memiliki konsep dan pendekatan yang berbeza antara semuanya. Penghujahan lanjut setiap istilah berikut dijelaskan melalui jadual 1.1 berikut.

Jadual 1.1: Istilah Pelancongan Menurut Al-Quran

Istilah	Ayat al-Quran	Penghujahan
<i>Musafir</i>	Surah al-Baqarah (2:177) Surah an-Nissaa' (4:43) Surah Yusuf (12:10 & 19) Surah al-Waaqi'ah (56:73)	Perkataan <i>musafir</i> berasal daripada kata <i>safara</i> yang membawa maksud bepergian, berjalan dan mengembara ke satu tempat dengan jarak dan tujuan yang tertentu (Asmak & Fatimah, 2010).
<i>Rehlah</i>	Surah Quraish (106: 6)	Perkataan <i>rehlah</i> berasal daripada perkataan Arab <i>rahala</i> yang bermaksud mengembara atau bermuamalah di satu kawasan yang jauh dari kampung halaman untuk mencari sumber rezeki, ilmu, pengobatan mahupun menjalankan kajian (Mohamed, 1996 dan Kessler, 1992).
<i>Ziyarah</i>	Surah at-Takaathur (102: 2) Surah al-Kahfi (18:17)	Perkataan <i>ziyarah</i> berasal Daripada perkataan Arab <i>zara</i> yang bermaksud menziarahi, melawat atau bertandang ke rumah teman mahupun keluarga, bertujuan untuk menyambung silaturrahim (Bhardwaj, 1998)
<i>Siyahah</i>	Surah at-Taubah (9:112)	Perkataan <i>siyahah</i> berasal Daripada perkataan Arab <i>Saha</i> yang bermaksud mengembara di bumi untuk mencari rahsia alam (Asmak & Fatimah, 2010).
<i>Haji & Umrah</i>	Surah al-Baqarah (2:196)	Haji dan umrah merupakan perjalan seorang Muslim ke tanah suci, Mekah dan Madinah untuk mengerjakan ibadah kepada Allah SWT (Yusuf Ali, 2005).

Menerusi jadual 1.1 berikut dapat disimpulkan bahawa pelancongan Islam bukanlah sekadar perjalanan seorang manusia dari satu kawasan ke kawasan yang lain, namun pelancongan Islam mempunyai tujuan yang tersendiri. Tujuan tersebut merangkumi tuntutan kepada peribadatan kepada Allah SWT, menjalinkan persaudaraan, merenung kejadian alam untuk diambil iktibar darinya, melahirkan ketauhidan kepada Allah SWT, mencari rezeki dan sebagainya. Walau bagaimanapun, tujuan utama bagi pelancongan Islam ini adalah untuk mencapai keredaan Allah SWT. Bagi mencapai keredaan Allah SWT dalam pelancongan ini memerlukan pengkaedahan sebagai panduan untuk dilaksanakan.

PELANCONGAN ZUHUD BERDASARKAN AL-QUR'AN

Pelancongan zuhud yang dibincangkan adalah merupakan kaedah pelancongan menurut al-Quran. Terdapat beberapa ayat al-Quran yang menceritakan tentang tujuan utama pelancongan serta kaedah untuk menjalankan aktiviti pelancongan yang bertepatan dengan syarak. Beberapa ayat yang dipilih dalam kertas kerja ini bagi menggambarkan tujuan dan kaedah tersebut. Antaranya, firman Allah SWT yang bermaksud :

“Katakanlah: "Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah telah memulakan ciptaan makhluk-makhluk dari asal jadinya; kemudian Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baharu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.” (Al-'Ankabut 29:20)

Abul Fida Isma'il (2004) menghuraikan ayat dari surah Al-'Ankabut (29:20) ini mengandungi kisah Nabi Ibrahim a.s. bahawa Ibrahim memberi petunjuk kepada kaumnya untuk membuktikan adanya hari kebangkitan yang mereka ingkari melalui apa yang mereka saksikan dalam diri mereka sendiri. Iaitu bahawa Allah SWT menciptakan yang pada sebelumnya mereka bukanlah sesuatu yang disebut – sebut (tiada). Kemudian mereka ada dan menjadi manusia yang dapat mendengar dan melihat. Maka Tuhan yang memulai penciptaan itu mampu mengembalikan mereka menjadi hidup kembali, dan sesungguhnya mengembalikan itu mudah bagi Allah SWT. Kemudian Nabi Ibrahim a.s. memberi kaumnya petunjuk akan hal tersebut melalui segala sesuatu yang mereka saksikan di cakerawala, berbagai tanda kekuasaan Allah yang telah menciptakan segala sesuatu yang ada di atas muka bumi. Langit dan bintang yang ada padanya, baik yang bersinar mahupun yang tetap beredar. Penciptaan bumi serta lembah – lembah, gunung – gunung yang ada padanya, dan tanah datar yang terbuka dan hutan – hutan, serta pepohonan dan buah – buahan, sungai – sungai dan lautan, semua itu menunjukkan sifatnya sebagai makhluk, juga menunjukkan adanya yang menciptakan dan menjaganya.

Perintah permusafiran seterusnya dirungkai dengan perintah melihat seperti firman Allah SWT *“siiru fi al-ardhi fanzuru”* ditemukan dalam al-Qur'an

sebanyak tujuh kali. Hal ini mengisyaratkan perlunya kepada apa yang diistilahkan dengan pelancongan. Melalui pelancongan itu manusia dapat memperoleh sesuatu ilmu dan pengetahuan dalam jiwa yang menjadikan manusia terdidik dan terbina. Ilmu dari pelancongan juga mampu diperoleh dari pertemuan dengan ramai manusia lainnya sehingga dapat memperoleh manfaat dari pertemuannya dan yang lebih penting, dapat menyaksikan aneka ragam ciptaan Allah SWT untuk dijadikan iktibar.

Seterusnya, Allah SWT memerintahkan manusia untuk menjalankan aktiviti pelancongan bertujuan mencari dan menyebarkan ilmu sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).” (At-Taubah 9:122)

Abdurrahman Mas'ud (2002) menyatakan istilah “berperang” dalam ayat at-Taubah (9:122) merujuk kepada perjuangan menuntut ilmu yang dikenali sebagai istilah *rehlah*. Tuntutan mencari ilmu pengetahuan amatlah digalakkan dalam Islam kerana dari ilmu manusia dapat mengenal Islam dengan lebih baik. Islam juga menuntut agar manusia menyebarkan ilmu pengetahuan yang bermanfaat untuk masyarakat agar dapat mengenal Islam. Melalui pelancongan aktiviti mencari dan menyebarkan ilmu dapat terlaksana sesuai dengan tuntutan Islam.

Selain itu, pelancongan Islam juga bertujuan memberi kesedaran kepada manusia akibat dari pendustaan kepada Allah, Nabi dan Rasul. Allah SWT memerintahkan manusia supaya berfikir dan mengambil iktibar dari bukti-bukti kekuasaan Allah SWT terhadap umat terdahulu. Sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan tiadalah Kami mengutus Rasul - sebelummu (wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki dari penduduk bandar, yang kami wahyukan kepada mereka. Maka mengapa orang-orang (yang tidak mahu beriman) itu tidak mengembara di muka bumi, supaya memerhatikan bagaimana akibat orang-orang kafir yang terdahulu dari mereka? Dan (ingatlah) sesungguhnya negeri akhirat lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Oleh itu, mengapa kamu (wahai manusia) tidak mahu memikirkannya?” (Yusuf 12:109)

Melalui pelancongan juga Allah SWT memerintahkan manusia untuk mencari nikmat kebesaran Allah SWT iaitu rezeki yang telah Allah berikan

kepada semua manusia untuk menikmatinya, kemudian bersyukur atas nikmat yang telah dikurniakan. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Tidakkah engkau memerhatikan bahawasanya kapal-kapal belayar di laut dengan nikmat Kurnia Allah, untuk diperlihatkan kepada kamu sebahagian dari tanda-tanda kemurahanNya? Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan dan bukti (untuk berfikir) bagi tiap-tiap (mukmin) yang tetap teguh pendiriannya, lagi sentiasa bersyukur.” (Luqman 31:31)

Berdasarkan ayat al-Quran yang menjelaskan perihal pelancongan dari pandangan Islam membuktikan pelancongan dalam Islam adalah aktiviti yang mempunyai tujuan serta matlamat akhir yang ingin dicapai iaitu keredhaan Allah dari segi fizikal, sosial dan kerohanian. Ia jauh berbeza dengan pelancongan menurut perspektif Barat yang menjadikan hedonism sebagai asas dalam mencapai matlamat untuk menjayakan pelancongan menerusi 4's (*sun, sea, sand dan sex*). Sebaliknya, Islam melihat pelancongan sebagai suatu bentuk penghayatan dan pemikiran dalam mencari keredaan Allah SWT. Sebagai contoh, arak, pelacuran, pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan, perjudian dan seumpamanya adalah dilarang dalam Islam (Kadir Din, 1989).

Manusia akan mampu untuk mendisiplinkan diri sepanjang aktiviti pelancongan dijalankan jika wujudnya sifat warak yang akan menghadirkan rasa takut untuk melakukan segala bentuk kemungkaran dan kemaksiatan walaupun secara sembunyi mahupun terang-terangan. Melalui disiplin zuhud manusia akan lebih prihatin akan keadaan sekeliling sepanjang permusafiran seperti menjaga hak terhadap Allah SWT, alam sekitar yang merangkumi manusia dan alam serta hak ke atas diri sendiri. Hak kepada Allah SWT yang perlu ditunaikan adalah seperti tidak meninggalkan solat sepanjang permusafiran dan sentiasa mengingati Allah SWT dalam setiap pergerakan permusafiran. Setiap penciptaan Allah SWT di atas muka bumi ini terdapat rahsia yang tersembunyi dan hanya boleh dicapai melalui proses berfikir. Melalui sifat warak yang wujud dalam disiplin zuhud dapat memandu manusia untuk berfikiran bersih dari segala hal yang buruk dan merosakkan. Oleh demikian, manusia dapat berfikir dengan lebih mendalam terhadap kebesaran Allah SWT yang wujud di atas muka bumi ini.

Hak terhadap alam sekitar merupakan disiplin yang seharusnya ada dalam diri setiap yang bergelar Muslim. Menjaga alam dengan sebaiknya tanpa merosakkannya serta menjaga hubungan baik dengan manusia. Seterusnya hak kepada diri sendiri adalah tujuan utama pelancongan Islam itu adalah untuk mencapai keredaan Allah SWT. Manusia yang mendapatkan keredaan Allah SWT di dunia, akan terselamat dari segala kemudaratan terhadap dirinya.

KESIMPULAN

Pelancongan adalah sebahagian daripada agama Islam. Pelancongan boleh dijalankan di mana sahaja destinasi yang diinginkan, namun yang membezakan pelancongan Islam itu adalah berdasarkan kepada tujuan dan kaedahanya. Islam

membuka peluang kepada manusia untuk menjalankan setiap aktiviti termasuk pelancongan, tapi harus mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan bermatlamatkan mencapai keredaan Allah SWT. Bagi mencapai matlamat tersebut, pelancongan zuhud diperkenalkan sebagai satu gaya hidup yang berdisiplin di samping beribadah menerusi pelancongan.

BIBLIOGRAFI

- Abdurrahman Mas'ud. (2002). *Menggagas Format Pendidikan Nondikotomik*. Yogyakarta.
- Abu al-Wafa' al-Taftazani. (1970). *Al-Madkhal ila al-Tasawwuf al-Islami*, al-Qahirah: Dar al-Saqafah.
- Abul Fida Isma'il Ibnu Kasir. (2004) *Tafsir Ibnu Kasir*. Bandung. Sinar Baru Algensindo.
- Al Zarnuji. (2010). *Ta'lim al-Mutallim Tariq al-Ta'llum*. Terjemahan Abd. Ghani Maraqi. Jabal Maraqi Enterprise. Kota Baharu, Kelantan.
- Al-Ghazali (2004). *Ihya' Ulumuddin*, Jilid 4 (Terjemahan Prof. TK. H. Ismail Yakub MA- SH), Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD.
- Al-Sindi (1996), *Syarah Sunan Ibn Majah* ditahqiq oleh Syeikh Khalil Ma'mun Syaihan, Beirut: Dar al-Ma'rifah
- Amin Syukur. (2002). *Zuhud di Abad Modern*. Yogyakarta. Pustaka Pelajar.
- Asmak, A., & Fatimah, S. (2010). Pelancongan dari perspektif Islam. In M. A. Yakob, H. Ismail, & T. Ibrahim (Eds.), *Prosiding Seminar Pengurusan Perhotelan & Pelancongan Islam 2010* (pp. 52–63). Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Bhardwaj SM (1998) Non-Hajj pilgrimage in Islam: A neglected dimension of religious circulation. *Journal of Cultural Geography* 17 (2), 69-87.
- Fathi Yakan. (1999). *Fiqh al-Siyahah fi al-Islam*. Beirut Lubnan. Muasasah al-Risalah. Gama Media
- Goeldner & Ritchie. (2006). *Tourism: Principles, Practices, Philosophies*. (10th edition). John Wiley & Sons, Inc., Hoboken, New Jersey.
- Hamka, Abdul Malik Abdulkarim Amrullah. (1990). *Tafsir al-Azhar*. Singapura; Pustaka Nasional Pte Ltd
- Hani Handoko. (2001). *Manajemen Personalia dan Sumberdaya Manusia*. Edisi Kedua. BPFE, Yogyakarta
- Hasan, B., Mohammad Mahyuddin, K., & Mohd Ahsrof Zaki, Y. (2010). Pelancongan dari perspektif Islam: Analisis pendekatan fiqh. *Prosiding Seminar Pengurusan Perhotelan & Pelancongan Islam 2010* (pp. 1–17). Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Hashim Muhammad. (2003). *Ahkam Al-Siyahah wa Atharuha*. Arab Saudi. Dar Ibn al-Jauziyah.
- Jabil Mapjabil, Ratna Roshida Abd Razak, Mazdi Marzuki & Rosmiza Mohd Zainol. (2015). Pelancongan Islam: Suatu tinjauan konseptual dan relevannya di Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space* 11 issue 1 (172 – 182).

- Kadir Din (1989) Islam and tourism: Patterns, issues and options. *Annals of Tourism Research* 16(4), 542-563.
- Kandampully J. (2000). The Impact of Demand Fluctuation on the Quality of Service: A Tourism Industry Example. *Managing Service Quality* 10(1), 10-18.
- Kessler CS (1992) Review essay for Pilgrim's progress: The travellers of Islam. *Annals of*
- Mahmud Junus. (1997) Terjemahan Al-Qur'an Al-Karim. Bandung. PT. al-Ma'arif.
- Mahmud Yunus. (1990). *Kamus Arab Indonesia*. Jakarta: Hidakarya Agung.
- Medlik. (2003). *Dictionary of Travel, Tourism and Hospitality*. Northwestern University. Butterworth-Heinemann.
- Mohamed Mamdouh N (1996) *Hajj to Umra: From A to Z*. Amana Publications.
- Noor Shakirah Mat Akhir (2010) Islamic tourism: A conceptual framework. *Proceedings of Regional Conference on Tourism Research (RCTR 2010)*. Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Quaisy Shihab. (2002) Tafsir al-Misbah Vol 15. Jakarta. Lentera Hati.
- Rivay Siregar. 1999. *Tasawuf dari sufisme klasik ke neo klasik*. Jakarta. PT RajaGrafindo Persada.
- Sa'id Hawwa. (2004). *Al-Mustakhlis fi Tazkiyah al-Anfus, al-Qahirah*: Dar al-Salam.
- Shakry AS (2001) Finally-at last! A magazine for Islamic tourism and here's why. *Islamic Tourism* 1, 77. *Tourism Research* 18 (1), 147-53.
- World Tourism Organization (UNWTO). (1996). *Tourist Safety and Security: Practical Measures for Destinations*. Diakses daripada <http://www2.unwto.org/> pada 28 November 2017.
- Yusuf Ali A (2005) *The meaning of the Holy Quran*. Secretariat for Asia Assembly of Ulama, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.